

**KATA-KATA PENUTUP
OLEH
KETUA PENGARAH JABATAN STANDARD
MALAYSIA
DALAM
BENGKEL JABATAN STANDARD MALAYSIA
BERSAMA BADAN-BADAN PENSIJILAN
PADA 12 JUN 2014
DEWAN SERBAGUNA, MENARA USAHAWAN**

**Yg. Berusaha En Ridzwan Bin Kasim
Pengarah Kanan Bahagian Standardisasi,
Standards Malaysia**

**En Shaharul Sadri Bin Alwi
Pengarah Bahagian Akreditasi, Standards
Malaysia**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati
sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam sejahtera dan selamat tengahari.**

**Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T
kerana dengan keizinanNya, kita telah berjaya
merealisasikan Bengkel Jabatan Standard**

Malaysia Bersama-sama Badan Pensijilan bagi tahun 2014 pada hari ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua ahli Jawatankuasa yang terlibat dan bertungkus lumus untuk menjayakan bengkel ini.

Bengkel ini merupakan satu platform dan tanda komitmen Standards Malaysia dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan akreditasi yang berwibawa kepada badan-badan pensijilan. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum istilah akreditasi sinonim dengan kecekapan teknikal, jaminan kualiti, menembusi pasaran antarabangsa dan pengiktirafan global.

**Tuan-tuan dan puan-puan,
Dalam usaha menyediakan perkhidmatan akreditasi bertaraf antarabangsa, Standards Malaysia bersungguh-sungguh memastikan kredibiliti, integriti dan kompetensi setiap badan pensijilan dijaga. Melalui platform seperti ini, saban tahun pelbagai isu dapat diutarakan dan**

dibahaskan. Ini merangsang percambahan idea dan sumbangan ke arah mewujudkan sistem penilaian ketepatan yang boleh dipercayai, beretika dan kompeten khususnya yang melibatkan badan pensijilan.

Di samping ini juga, segala maklumat yang disampaikan, maklumbalas serta cadangan yang dibangkitkan oleh pihak di dalam bengkel ini dipandang serius dan disusuli dengan tindakan dan jawapan yang sewajarnya. Saya yakin dan percaya bahawa penganjuran sesi bengkel ini adalah sangat penting kerana setiap keputusan yang kita buat amatlah besar kesan dan impak kepada industri pensijilan di negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, di bawah Program Transformasi Ekonomi terutamanya dalam meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan dari Malaysia, Standards Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk memelopori Inisiatif Pembaharuan Strategik – Standard dan Liberalisasi Persaingan (SRI-CSL).

Dalam usaha untuk melaksanakan inisiatif ini, Standards Malaysia telah melaksanakan satu program yang telah dilancarkan pada bulan November 2013 yang dikenali sebagai National Standards Compliance Programme (NSCP) dengan kerjasama bersama dengan SME Corporation Malaysia (SME Corp). Program ini berperanan untuk menyalurkan maklumat dan inisiatif berkenaan dengan penggunaan Standards di Malaysia.

Melalui program ini, adalah diharapkan ia boleh membantu SMEs untuk mencapai satu tahap kompetensi yang baru, baik di pasaran tempatan mahupun serantau. Selain itu, NSCP juga menyediakan One Stop Center (OSC) sebagai rujukan berkenaan dengan kepatuhan Standards.

Pembukaan OSC ini turut berperanan sebagai penasihat dalam penggunaan Standards, penjualan Standards dan juga penasihat dalam perkhidmatan yang dijalankan oleh Standards Malaysia seperti dalam proses permohonan dan juga menjawab pertanyaan berkenaan makmal-

makmal, badan-badan pensijilan dan badan pemeriksa yang juga terlibat dengan pembangunan dan penggunaan Standards.

**Tuan-tuan dan puan-puan,
Seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum melalui pembentangan sebentar tadi, pada tahun ini Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menetapkan sasaran KPI untuk Y.B Menteri supaya 800 organisasi mendapat pensijilan kepada 6 standard-standard popular iaitu MS ISO 9001 (QMS), MS ISO 14001 (EMS), MS 1722 (OSH), MS 1480 (HACCP), MS ISO 27001 (ISMS) dan MS ISO 22000 (FSMS) melalui badan-badan pensijilan yang telah diakredit oleh Standards Malaysia.**

Seiringan dengan itu, usaha Standards Malaysia untuk meningkatkan kesedaran pihak SMEs yang belum dipersijilkan melalui penyediaan NSCP One Stop Center (NSCP OSC) secara langsung boleh membantu badan-badan

pensijilan mengembangkan lagi perkhidmatan mereka melalui pelanggan-pelanggan yang datang berkunjung ke NSCP OSC.

Sasaran KPI untuk 800 organisasi mendapat pensijilan ternyata satu cabaran kepada kita semua. Namun begitu, cabaran ini wajar dihadapi bagi memastikan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing industri di Malaysia secara keseluruhannya melalui pensijilan adalah tercapai. Ini adalah selaras dengan visi Standards Malaysia iaitu untuk menyediakan perkhidmatan standardisasi dan akreditasi yang kredibel untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi, masyarakat dan alam sekitar.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,
Setiap tahun pada 9 Jun 2014, komuniti badan akreditasi di seluruh dunia akan menyambut Hari Akreditasi Sedunia. Tema bagi tahun ini ialah**

“*Delivering Confidence in Provision of Energy*” sejajar untuk meningkatkan kesedaran ramai tentang penggunaan tenaga. Pada hemat saya, badan penilaian ketepatan seperti badan pensijilan, berperanan merealisasikan tema ini.

Sesebuah organisasi boleh menjimatkan masa dan kos melalui pemilihan pembekal yang competent melalui standard yang digunakan berdasarkan rangkakerja amalan pengurusan tenaga yang baik (*best energy management practices*) dan amalan tingkahlaku pengurusan tenaga yang baik (*good energy management behaviours*). Aktiviti ini dapat disahkan dan dinilai keberkesanannya melalui aktiviti penilaian pematuhan.

Dalam konteks ini, Standards Malaysia juga turut menggunapakai standard antarabangsa yang dibangunkan oleh International Organization for Standardization (ISO) iaitu MS ISO 50001: 2011 Energy Management Systems (EnMS).

Dengan adanya standard ini, ia dapat membantu organisasi-organisasi mengurangkan

penggunaan tenaga, mengurangkan kos penggunaan tenaga dan juga *carbon footprint*.

Selain itu, standard ini turut memberikan panduan berkenaan penandaarasan, pengukuran, pendokumenan dan pelaporan tentang pembaikan tenaga dan pengurangan gas rumah hijau (projected greenhouse gas).

Kualiti dan keselamatan sesuatu produk atau perkhidmatan adalah terjamin melalui kesemua skim akreditasi yang ditawarkan kepada industri dan pengguna. Sejajar dengan keperluan semasa dan industri, Standards Malaysia menjangkakan lebih banyak pertambahan dalam jumlah bilangan badan pensijilan memohon akreditasi dalam program sebegini.

Para hadirin yang dihormati sekalian, Untuk pengetahuan tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Standards Malaysia menerima pertambahan yang konsisten setiap tahun di mana pada tahun ini, jumlah badan pensijilan

yang mendapat akreditasi boleh dikatakan pada paras yang memberangsangkan. Daripada 14 program yang ditawarkan, 10 program telah diakreditkan kepada badan pensijilan. Pada tahun 2013 sebanyak 5 badan pensijilan telah mendapat akreditasi dari Standards Malaysia.

Daripada jumlah tersebut, kita mendapati bahawa kesedaran mengenai kepentingan akreditasi di negara kita semakin meningkat. Dalam proses penambahbaikan dan pelaksanaan proses akreditasi Skim ACB, bengkel ini merupakan platform yang strategik kepada badan-badan pensijilan berkongsi idea dan pengalaman untuk kebaikan kita bersama.

Saya amat berterima kasih kepada pihak tuan-tuan dan puan-puan sekalian kerana mengambil bahagian dan mempergunakan sepenuh peluang ini bagi memastikan hasil yang lebih baik dan impak yang positif untuk industri pensijilan di negara kita.

Akhir kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini menyempurnakan Penutupan

Bengkel Jabatan Standard Malaysia Bersama-sama Badan Pensijilan tahun 2014. Semoga kita bertemu lagi pada majlis seperti ini pada masa hadapan.

Sekian, Terima kasih.